



DEPARTMENT OF GENERAL STUDIES

FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) : _____

Course Code & Name : **MPU2212 BAHASA KEBANGSAAN A**
 Semester & Year : January – April 2020
 Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain
 Duration : 2 Hours

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. This question paper consists of 2 parts:
 - PART A (30 marks) : THIRTY (30) multiple-choice questions. Answers are to be written in the Multiple Choice Answer Sheet provided.
 - PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa
 SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)
 Answers are to be written in the Answer Booklet provided.
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

WARNING: The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

Total Number of pages = 10 (Including the cover page)

BAHAGIAN B

SOALAN 1 : **SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)**
ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.

PEMAHAMAN TEKS (20 markah)

Petikan (i)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.

OBESITI BOLEH MENGANCAM NYAWA

Laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), pada 2015 mencatatkan, penduduk di negara ini yang memiliki berat badan berlebihan sebanyak 30 peratus, berbanding 16.6 peratus, pada 1996. Tahap obesiti pula dilaporkan sebanyak 17.7 peratus (2015) berbanding hanya 4.4 peratus pada 1996. Laporan itu meletakkan Malaysia pada kedudukan teratas memiliki paling ramai mengalami masalah berat badan berlebihan di Asia Tenggara.

Berdasarkan statistik pada 1996, dicatatkan seorang daripada lima orang mengalami obesiti. Nisbah ini meningkat sehingga 47.7 peratus pada 2015, iaitu dengan nisbah seorang daripada dua orang adalah obes. Obesiti bermaksud pengumpulan lemak yang tidak normal atau berlebihan menjurus kepada risiko gangguan kesihatan. Individu perlu mengawal obesiti kerana ia boleh **mengancam jiwa** atau berdepan dengan penyakit kritikal seperti kardiovaskular, kencing manis, tekanan darah tinggi, angin ahmar, hati berlemak, sirosis, kanser payudara, rahim dan kolon. Malahan, obesiti mempengaruhi kualiti hidup disebabkan perubahan fizikal berat dan saiz badan yang membuatkan seseorang sukar bernafas, tidur berdengkur, tidur apnea (mati dalam tidur), keletihan dan arthritis.

Ukuran kasar bagi Indeks Jisim Badan (BMI) lebih 25 adalah berat badan berlebihan manakala BMI lebih 30 adalah obesiti. BMI ditentukan mengikut ukuran berat dalam kilogram (kg) bahagi ketinggian dalam meter persegi. Sebagai contoh lelaki dengan ketinggian 1.70 meter dan berat 124 kilogram (kg), iaitu $1.7 \times 1.7 = 2.89$. Jika keputusan BMI ialah 42.9, bermaksud lelaki ini mengalami obesiti. Obesiti adalah masalah kesihatan utama di seluruh dunia dan memberi kesan besar kepada individu terbabit. Pencegahan obesiti perlu untuk mengelakkan risiko mendapat diabetes, hipertensi dan tidur apnea. Obesiti boleh dirawat dengan beberapa cara, iaitu diet, senaman, rawatan endoskopi dan rawatan pembedahan. Bagi mereka yang ingin melakukan rawatan obesiti dengan cara endoskopi, BMI sebaiknya mencatat 28 hingga 35 yang boleh menghilangkan berat badan sehingga 15 kg. Bagi rawatan pembedahan pula, dengan BMI melebihi 35 akan menurunkan berat badan 20 hingga 30 kg. Manakala pembedahan pula boleh dipilih menggunakan prosedur "Sleeve gastrectomy", "Gastric banding" dan "Gastric bypass".

(Dipetik dan diubah suai daripada Berita Harian Online, 2019)

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa "**mengancam jiwa**"? **(2 markah)**
2. Berdasarkan petikan di atas, berikan **DUA (2)** sebab obesiti perlu dikawal? **(2 markah)**
3. Nyatakan **DUA (2)** cara rawatan obesiti seperti dalam petikan di atas. **(2 markah)**
4. Pada pendapat anda, nyatakan **DUA (2)** langkah untuk mengatasi obesiti? **(4 markah)**

Petikan (ii)

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya dengan menggunakan perkataan sendiri.

Penyaman udara di tingkat atas perpustakaan ini menderam perlahan. Peluh merintik di ubun dan dahiku. Aku turun ke bawah dan memberitahu pembantu perpustakaan berkenaan hal itu. Pembantu itu, seorang lelaki muda yang sedang ralit menatal telefon bimbitnya acuh tak acuh sahaja mendengar rungutanku. Dia baru bekerja di situ tetapi setakat pemerhatianku sejak hari pertama dia bertugas, boleh disimpulkan dia bekerja kerana wang dan bukanlah sebab keghairan terhadap buku atau pembacaan. Sementara itu, aku pula yang mempunyai kelulusan dari universiti dalam bidang khusus berkenaan perpustakaan sering disisihkan setiap kali memohon jawatan berkaitan perpustakaan.

Setiap kali aku pergi ke mana-mana perpustakaan, aku akan menghakimi petugasnya dan membandingkan sikap mereka dengan keghairahanku terhadap buku. Perihal ini aku selalu ceritakan kepada kawanku yang juga bekerja di perpustakaan. Dia menempelak aku. Katanya, aku jadi begitu kerana kecewa tidak dapat bekerja di perpustakaan. Lagipun, segelintir saja yang bersikap sebegitu.

Aku naik semula ke tingkat atas dan melabuhkan punggung di meja karel. Tetikus komputer riba digerakkan. Terdengar derap kaki pembantu perpustakaan tadi **melangkah gontai**. Dia menuju ke bilik elektrik dan memetik suis penyaman udara.

“Dah,” katanya ringkas tanpa mahu memandangkanku.

“Terima kasih,” ucapku.

Suhu di tingkat atas bertukar dingin. Suasana sunyi sepi. Pada hari biasa, tidak ramai yang datang ke perpustakaan ini. Aku selalu berangan menjadi pekerja di sini. Dekat dengan tempat tinggal dan kerjanya juga nampak tenang, tanpa tekanan. Lihatlah pembantu perpustakaan tadi, agaknya sejak pagi lagi dia kusyuk dengan telefon bimbitnya. Biarlah dia dengan cara dia.

Aku merenung ke arah skrin komputer. Terkebil-kebil sendiri dan berfikir, apakah cerita yang patut aku tulis? Cerita hantu. Tak. Cerita cinta? Tak mungkin.

Aku menggaru kepala. Jam menunjukkan lagi setengah jam perpustakaan akan ditutup. Namun begitu, fikiran aku masih lagi kosong.

*(Dipetik dan diubah suai daripada cerpen
'Perempuan di Perpustakaan' oleh Abdullah Hussaini Mohd Ghazali, Januari 2020)*

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa 'melangkah gontai'? **(2 markah)**

2. Berdasarkan petikan di atas, mengapakah 'aku' begitu berminat hendak bekerja di perpustakaan? Nyatakan **EMPAT (4)** sebab. **(4 markah)**

3. Berdasarkan keseluruhan cerpen di atas, berikan **DUA (2)** perkara yang cuba diketengahkan oleh penulis dengan memberikan huraian yang sesuai. **(4 markah)**

TATABAHASA (20 markah)

Bahagian ini mengandungi DUA (2) soalan WAJIB dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.

(a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini supaya jelas menunjukkan perbezaan maknanya. Anda tidak boleh menambah imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa.

- I. meminati (2 markah)
- II. mengundi (2 markah)
- III. memperkenalkan (2 markah)
- IV. mengecewakan (2 markah)
- V. menggembirakan (2 markah)

(10 markah)

(b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dan tulis di kertas jawapan.

1. Para pelajar disarankan supaya dibaca dahulu arahan dengan teliti sebelum mula menjawab.

Kesalahan ejaan: _____

Kesalahan imbuhan: _____

2. Pengguna di sebuah stesyen minyak di Johor Bahru gempar selepas sebuah kereta membakar berhampiran pam minyak tengah hari tadi.

Kesalahan ejaan: _____

Kesalahan imbuhan: _____

3. Vandalism boleh menyebabkan merugi kepada pelbagai pihak kerana perbuatan mereka yang mengotorkan dan merosakkan harta benda awam.

Kesalahan ejaan: _____

Kesalahan imbuhan: _____

4. Penunggang motorsikal itu berjaya melarikan diri daripada sekatan jalan raya yang dilakukan oleh pihak trafik.

Kesalahan ejaan: _____

Kesalahan imbuhan: _____

5. Melalui e-mail yang dikirimkan malam tadi, Suraj harapan supaya kami sekeluarga tidak bimbang akan kesihatannya.

Kesalahan ejaan: _____

Kesalahan imbuhan: _____

(10 markah)

SOALAN 2
ARAHAN

: SOALAN ESEI (30 MARKAH)

: Bahagian ini terdiri daripada SATU (1) bahagian yang wajib dijawab.

KARANGAN

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 450 patah perkataan**.

1. Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai pelbagai etnik. Justeru, semangat perpaduan perlulah disemai demi keharmonian negara. Huraikan usaha-usaha yang mesti dilakukan untuk membentuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat.

ATAU;

2. Salah satu ciri negara maju adalah jumlah penerbitan yang mereka miliki. Jumlah ini menunjukkan bahawa anggota masyarakatnya suka membaca. Namun, hal ini berbeza sekali dengan masyarakat Malaysia. Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor yang menyebabkan para pelajar malas membaca?

ATAU;

3. Di Malaysia, penggunaan laman sosial seperti Facebook, Twitter dan sebagainya semakin popular. Huraikan kesan negatif penggunaan laman sosial terhadap masyarakat.

KERTAS SOALAN TAMAT